



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

S/K.KEW/PK/D/1100/000000/
10/31 JLD.31 SK.16 (3)
9 Mei 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN
PEMBATALAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2002 -
PENGUNAAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH KUMPULAN
IKRAM SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan pada 1 Julai 2002 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 8 Tahun 2002 mengenai Penggunaan Perkhidmatan Yang Ditawarkan Oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. Melalui SPP ini, semua agensi Kerajaan telah disyaratkan untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.


3. Untuk makluman, Jemaah Menteri yang telah bermesyuarat pada 22 April 2009 telah memutuskan supaya tempoh Konsesi Penswastaaan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. yang telah berakhir pada 31 Disember 2011 tidak dilanjutkan. Dengan berakhirnya tempoh konsesi ini, agensi Kerajaan tidak lagi diwajibkan untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, agensi Kerajaan masih boleh memperoleh perkhidmatan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. melalui kaedah tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

4. Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**. Dengan berkuat kuasanya Surat Arahan Perbendaharaan ini, SPP Bil. 8 Tahun 2002 bertarikh 1 Julai 2002 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri